

## **BAB KELIMA**

### **SIKAP DAN REAKSI TERHADAP PELACURAN**

Sikap dan reaksi terhadap pelacur dan pelacuran berbeza di kalangan masyarakat. Ada sesetengah anggota masyarakat yang menganggap pekerjaan melacur itu sebagai satu perbuatan yang suci dan diberkati. Ini dapat dilihat di dalam masyarakat di beberapa buah negara. Dalam masyarakat Babylon, misalnya pelacur ini bukan sahaja tidak dikeji, tetapi tugas melacur di kuil *Chaldaean Venus*, walaupun sekali, dijadikan satu kewajipan setiap gadis yang dinamakan sebagai *Mylitta*.<sup>1</sup> Begitu juga dengan masyarakat India, mereka yang diterima menjadi penari kuil diketahui juga menjadi pelacur atasan atau *hetairae*, adalah di antara golongan yang berstatus tinggi di dalam masyarakat.<sup>2</sup> Di Sweden, pula pelacuran dibenarkan dengan syarat wanita itu mestilah mempunyai suatu pekerjaan tetap yang lain.<sup>3</sup> Apa yang jelas di sini pelacuran diterima di ketiga-tiga negara tersebut dan pekerjaan ini dibenarkan jika wanita tersebut mempunyai pekerjaan tetap dan pekerjaan ini dipandang tinggi sebagai satu sumbangan kepada keagamaan.

---

<sup>1</sup> Lihat William W. Sanger, The History of Prostitution, Eugenics Publishing Company, New York, 1939, hlm. 41.

<sup>2</sup> Di India, kelahiran perlakuan seksual di dalam bentuk pelacuran ini telah wujud beribu-ribu tahun dahulu lagi akibat dari ajaran salah yang dikenali dengan 'Dedasis'. Ajaran ini menganggap perbuatan melacurkan diri itu adalah satu perbuatan dan pengorbanan yang suci kepada Devi Renuka. Nasib seorang gadis akan ditentukan oleh Brahmin yang dipercayai dapat menentukan tahap kepercayaan kepada Tuhan mereka. Keyakinan ini dipanggil sebagai 'Derdasis'. Lihat Abdul Hadi Zakaria, Pelacur dan Pelacuran di Malaysia, Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1980, hlm. 28. Lihat juga Hassan Abd. Ghani, "Pelacur dan Profesjon Pelacuran di Kalangan Gadis Bawah Umur dan Kawalan Undang-undang di Malaysia", Latihan Ilmiah, Fakulti Undang-undang, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1983/84, hlm. 19.

<sup>3</sup> Ibid.

Di Malaysia, kegiatan pelacuran tidak diterima oleh kebanyakan anggota masyarakat kerana beberapa kesan buruk yang mungkin ditimbulkan oleh kegiatan tersebut. Menurut Abdul Hadi Zakaria sekurang-kurangnya tiga alasan telah dikemukakan oleh sarjana untuk menunjukkan keburukan pelacuran. Yang paling kerap diperkatakan ialah hubungan pelacur-pelacur dan pelacuran dengan penjenayah dan jenayah. Menurut beliau terdapat dua bentuk hubungan pertama, pelacur-pelacur dan pelacuran di kawasan bandar dikawal oleh kumpulan-kumpulan haram dan kedua, sarang-sarang pelacuran sering dijadikan tempat perlindungan dan perteduhan anggota kumpulan ini. Masalah yang lebih serius berpunca daripada pelacuran ialah *white slavery*, iaitu perbuatan mendapatkan dengan berbagai cara, wanita-wanita tertentu dan memaksa mereka melacur. Dari segi sosiologikal pula, pelacuran dikatakan buruk kerana fungsi perhubungan seksnya adalah bertentangan dengan keperluan-keperluan masyarakat.<sup>4</sup>

Menurut S.Kirson Weinberg pula,

Prostitution is a social problem for several reasons. First the prostitute is affected adversely by her systematic promiscuity, second she is frequently a source of venereal disease, third she is frequently controlled by and is a source of revenue for organised crime.<sup>5</sup>

---

<sup>4</sup> Untuk mendapat penerangan yang lebih jelas berkenaan dengan keburukan pelacuran sila lihat Abdul Hadi Zakaria, *Ibid.*, hlm. 33-35.

<sup>5</sup> Lihat S.Kirson Weinberg, Social Problem in Modern Urban Society, Englewood Cliff, Prentice Hall, New Jersey, 1970, hlm. 534.

Ini bermakna kegiatan pelacur dan pelacuran membawa banyak penyakit sosial yang memudaratkan bukan sahaja bagi diri pelacur itu sendiri bahkan masyarakat umum keseluruhannya.

### Sikap dan reaksi terhadap pelacuran di Kelantan

Di Kelantan, tiada siapa yang tahu bila kegiatan ini bermula. Namun begitu menurut Abdullah Munshi, pada tahun 1838 kegiatan ini telah dapat dikesan di pelabuhan di Kelantan.<sup>6</sup> Tulisan terkemudian seperti oleh Tok Kenali turut menyokong tentang kewujudan kegiatan pelacuran di Kelantan. Ini terbukti bila beliau menyarankan beberapa langkah pencegahan serta mengemukakan sebab-sebab berkembang biaknya pelacuran di Kelantan.<sup>7</sup> Selain itu Mufti kerajaan Kelantan turut mengakui mengenai kewujudan kegiatan ini di bandar Kota Bharu dan beliau telah mengambil tindakan mengarahkan badan kerajaan seperti MAIK dan polis supaya bertindak mencegah kegiatan ini.<sup>8</sup> Selain itu undang-undang telah digubal untuk membolehkan hukuman dikenakan ke atas pesalah-pesalah moral khususnya berkaitan dengan pelacuran.<sup>9</sup>

<sup>6</sup> Sila lihat kenyataan Abdullah Munshi berkenaan kegiatan pelacuran di pelabuhan Kelantan di halaman 39 dalam bab kedua.

<sup>7</sup> Sila lihat pandangan Tok Kenali berkenaan sebab-sebab berkembang pelacuran dan langkah pencegahan di halaman 41-43 di dalam bab kedua.

<sup>8</sup> Pengakuan dan arahan Mufti dapat dilihat di halaman 43-44 di dalam bab kedua.

<sup>9</sup> Perbincangan mengenai undang-undang dapat dilihat di dalam bab keenam.

Berdasarkan beberapa bukti di atas nyata kegiatan pelacur dan pelacuran tidak dipandang remeh. Terdapat pelbagai usaha pencegahan dilakukan. Usaha pencegahan ini dipikul bersama antara orang awam dan institusi kerajaan.

### **Sebab-sebab bertindak**

Kegiatan pelacur dan pelacuran tidak dibiarkan kerana sebahagian besar anggota masyarakat Kelantan menganggap perbuatan melacur sebagai suatu perbuatan yang keji dan hina. Mereka beranggapan sedemikian kerana menyedari pelacur dan profesi pelacuran adalah bertentangan dengan undang-undang negeri dan agama Islam serta menimbulkan banyak penyakit sosial yang memudaratkan bukan sahaja bagi diri pelacur itu sendiri bahkan masyarakat umum keseluruhannya.

Perbuatan melacur dianggap menyalahi hukum syara'. Dari sudut pandangan Islam misalnya walaupun Islam mengakui keinginan semulajadi manusia iaitu keinginan seks sebagai keinginan yang sihat dan bersih, tetapi Islam tidak membenarkan manusia hanyut di dalam arus keinginan seks itu tanpa mengikut syariat yang telah diatur oleh Islam. Oleh itu segala bentuk perlakuan seks yang bertentangan dengan apa yang dituntut adalah dianggap sebagai haram dan dikutuk oleh Agama Islam. Mengikut kaca mata Islam, seburuk-buruk hasil pendapatan adalah hasil yang didapati dengan jalan melacur. Hal ini telah ditegas oleh Rasulullah (s.a.w.) dengan hadis yang berbunyi "Tidak baik bagi perempuan yang suka membuat kebajikan kepada masyarakat dengan

upah jasadnya.”<sup>10</sup> Hadis ini dengan jelas melarang mengambil hasil atau pendapatan daripada pelacuran.

Perbuatan melacur itu bererti telah melakukan zina dan Islam melarang keras perbuatan zina. Di dalam al-Quran Allah berfirman “ Dan janganlah kamu dekati zina, sesungguhnya zina itu satu perbuatan yang keji dan jalan yang buruk.”<sup>11</sup>

Setelah menyedari perbuatan melacur menyalahi hukum syara' maka sesetengah anggota masyarakat tidak ingin bersubahat di dalam perkara tersebut. Kenyataan di dalam surat Dato' Isa bin Awang, Nik Busu bin Nik Yih serta Haji Wan Musa bin Haji Wan Daud dari Pasir Putih menjelaskan akan hal ini.<sup>12</sup> Isi kandungan surat mereka ialah,

...kebanyakan rumah yang hamba Dato' berjalan itu pada setengah-setengah tempat orang-orang betina Melayu kita ini bersekedudukan sekali dengan Cina-cina, Keling, Ceylon yang kafir hingga boleh anak dah. Maka hamba Dato' memaklumkan surat ini supaya terlepas dosa di atas hamba Dato' yang mengetahui dan melihat dengan mata kepala hamba Dato'sendiri dan berserahlah perkara ini kepada Dato' dan orang-orang yang berkuasa di dalam negeri ini.<sup>13</sup>

---

<sup>10</sup> Hassan Abd. Ghani, op.cit., hlm. 32.

<sup>11</sup> Ibid., hlm. 33.

<sup>12</sup> Lihat MAIK, 115/32, “Menghantar report daripada Esah binti Awang serta dua kawannya menyatakan di surau darat Bachok orang tidak hirau berjumaat dan melakukan menular seperti perempuan bersekedudukan dengan China dan lain-lain,” hlm. 1.

<sup>13</sup> Ibid.

Isi kandungan surat tersebut antara lain menyebutkan bahawa di jajahan Pasir Putih terdapat ramai perempuan Melayu yang bersekedudukan dengan orang-orang bukan Melayu seperti dengan bangsa Cina, India dan Ceylon sehingga beranak-pinak. Tujuan mereka memberitahu kepada pihak MAIK mengenai perkara tersebut, supaya mereka tidak turut sama bersubahat dan mudah-mudahan dengan berbuat demikian maka mereka akan terlepas daripada dosa. Selain itu mereka juga menyerahkan kepada pihak berkuasa untuk mengambil tindakan bagi mencegah perkara tersebut.

Tok Kenali, sebagai seorang ulama pula telah menyarankan supaya membasmi kegiatan tersebut. Ini sebagaimana dinyatakannya,

Dalam tiap-tiap negeri boleh diadakan suatu madrasah ugama kerajaan. Murid-muridnya diambil daripada tiap-tiap mukim atau jajahan serta diberi elaun atau *scholarships* seperti kanak-kanak yang menuntut pelajaran Inggeris juga. Madrasah itu dijadikan seperti *Religious Boarding School* di mana kanak-kanak itu boleh menuntut tamat dan keluar balik ke kampung-kampungnya menjadi guru atau sebagainya. Mereka-mereka itu sekalian boleh dijadikan *Inspector* atau lainnya yang boleh membersihkan kedai-kedai dan pekan-pekan daripada dipenuhi oleh perempuan-perempuan Melayu yang bebas.<sup>14</sup>

Langkah pembasmian perlu dilakukan kerana kalau tidak dikawal kegiatan pelacuran ini akan melarat dan merebak pula ke tempat lain. Hal ini dapat dirujuk daripada surat kadi jajahan Ulu Kelantan, Haji Abdul Majid kepada Dato' Mufti.

---

<sup>14</sup> Sila lihaturaian petikan di atas di halaman 42 dalam bab kedua.

Menurut beliau di dalam jajahan Kuala Krai terdapat ramai pelacur. Beliau telah mengambil tindakan dengan memanggil dan menasihati mereka supaya berhenti daripada pekerjaan tersebut. Namun begitu beliau masih gagal mengatasi masalah tersebut. Ini kerana jumlah mereka yang terlibat di dalam kegiatan pelacuran tidak juga berkurang bahkan semakin bertambah. Kebanyakan daripada pelacur ini bertumpu di hotel-hotel dan kawasan-kawasan bandar atau kedai-kedai. Kebimbangan kepada menular atau merebaknya kegiatan ini ke tempat lain merupakan salah satu sebab beliau melapor dan meminta nasihat daripada Dato' Mufti untuk memberi cadangan atau pendapat supaya permasalahan tersebut dapat diatasi.<sup>15</sup>

Permasalahan di atas telah cuba ditangani oleh Mufti Kerajaan Kelantan, iaitu Haji Ibrahim bin Yusoff. Secara umumnya, beliau tidak memandang sepi mengenai semua surat yang melaporkan mengenai kegiatan pelacuran. Ini terbukti bila beliau sendiri turut menjalankan siasatan. Hasilnya beliau mengakui bahawa kegiatan pelacuran sememangnya wujud khususnya di jajahan Kota Bharu. Sebagai langkah pembasmian beliau telah menyeru kepada pihak kerajaan iaitu MAIK dan polis supaya saling bekerjasama membasmi kegiatan pelacuran.<sup>16</sup>

Berdasarkan huraian di atas menunjukkan adanya usaha daripada orang awam dan institusi kerajaan untuk membasmi kegiatan tersebut.

Selain itu kegiatan pelacuran telah mengganggu ketenteraman awam. Dalam hubungan ini terdapat di kalangan orang awam yang melapor kerana tidak tahan

---

<sup>15</sup> Lihat MAIK, 217/29, "Pegawai-pegawai mahkamah syariah Ulu Kelantan memohonkan surat kuasa bagi menangkap perempuan-perempuan jahat yang berkhalwat di hotel dan lain-lain," hlm. 1.

<sup>16</sup> Sila lihat kenyataan Mufti di halaman 43-44 dalam bab kedua.

dengan suasana bising yang ditimbulkan oleh pelacur dan pelanggannya. Laporan Abdul Muttalib bin Haji Muhammad Zin, Kampung Wakaf Siku Langgar menggambarkan situasi ini. Menurut beliau di tepi sebelah hilir jalan Wakaf Siku terdapat sebuah rumah dua tingkat yang dimiliki oleh Che Aishah dari Kota Bharu. Rumah tersebut menjadi tempat berkumpul para pelacur. Pada waktu malam terdapat ramai buruh getah berbangsa Cina ke situ. Keadaan ini menimbulkan suasana kurang selesa kepada orang-orang kampung dan rumah-rumah yang berhampiran lantaran kebisingan yang didatangkan dari tempat tersebut.<sup>17</sup>

Hal yang sama turut disuarakan oleh M.J.Bendayir yang tinggal di rumah nombor 381, Jalan Tengku Putra Semerak bandar Kota Bharu. Menurut M.J.Bendayir,

...saya telah memberi report pasal perempuan jahat yang tinggal dekat dengan rumah saya duduk itu iaitu di rumah nombor 380 dan saya minta majlis agama menghalaukan perempuan itu kerana ia bising sangat...<sup>18</sup>

Petikan di atas menggambarkan bahawa M.J. Bendayir tidak menyenangi mengenai suasana bising yang ditimbulkan oleh pelacur yang tinggal berjiran dengannya. Oleh itu beliau telah melaporkan kepada pihak MAIK supaya bertindak menghalau mereka keluar dari situ.

---

<sup>17</sup> MAIK, 156/38, "Menerangkan ada sebuah rumah dua lapis Wakaf Siku mukim Langgar ada berhimpun perempuan-perempuan bujang yang menjadi bising kepada orang yang berhampiran dengan rumah itu diminta supaya dipadamkan perbuatan dan kelakuan perempuan-perempuan itu kerana kehadiran yang membawa keluahan yang melanggar hukum agama dan lain-lain," hlm. 1. Lihat juga nota kaki nombor 84, di halaman 66 dalam bab kedua.

<sup>18</sup> Lihat MAIK, 24/17, "Berkenaan dengan perempuan jahat yang selalu membuat son dekat tempat itu," hlm. 1.

Berdasarkan huraian di atas jelaslah bahawa kegiatan pelacuran tidak diterima di Kelantan kerana nyata ia bertentangan dengan undang-undang. Agama juga turut melarang kegiatan ini. Kesan buruk yang ditimbulkan oleh kegiatan ini turut mendorong orang awam dan institusi keagamaan bertindak.

### **Tindakan terhadap pelacuran**

#### **Orang awam**

Orang awam di sini terdiri daripada masyarakat setempat. Golongan ini bertindak melaporkan kepada pihak MAIK mengenai keruntuhan moral dan kegiatan pelacuran. Perkara yang dilaporkan seperti memberi maklumat kepada pihak MAIK bahawa terdapat kegiatan pelacuran di hotel-hotel misalnya di hotel Kuala Krai.<sup>19</sup> Selain itu mereka juga meminta pihak MAIK supaya menangkap pelacur.<sup>20</sup> Pihak MAIK juga diminta supaya bertindak ke atas orang perantaraan di dalam kegiatan pelacuran seperti ibu atau bapa ayam.<sup>21</sup> Tindakan juga hendaklah diambil ke atas orang yang menyewakan rumah untuk tujuan pelacuran.<sup>22</sup>

---

<sup>19</sup> Lihat MAIK, 150/30, "Report atas lima orang perempuan Melayu bujang kedudukan tidak iman dengan China serta minta," hlm. 16.

<sup>20</sup> MAIK, 108/24, "Report yang telah tangkap perempuan jahat yang berkhawat di Kuala Krai pada Jumaat 3/4/24 serta minta bawa bicara di Kota Bharu," hlm. 1.

<sup>21</sup> MAIK, 156/38, op.cit., hlm. 3.

<sup>22</sup> Tuan rumah nombor 48, 'Main Street' Kuala Krai misalnya memberi sewa rumah untuk aktiviti pelacuran. Lihat, MAIK, 150/30, op.cit., hlm. 5.

Laporan dilakukan melalui tiga cara. Pertama melalui orang perseorangan. Kedua diwakili oleh salah seorang penduduk kampung dan ketiga diwakili oleh seluruh penduduk kampung. Cara pertama kerap dilakukan. Mereka ini selalunya terdiri daripada jiran-jiran yang merasa tidak selesa akan suasana yang diwujudkan oleh pelacuran.<sup>23</sup> Golongan ini akan bertindak secara individu dengan hanya memberitahu serba ringkas berkenaan diri mereka seperti nama, tempat kediaman dan pekerjaan. Di dalam sesetengah laporan mereka tidak menyatakan nama atau pekerjaan sebaliknya mereka hanya memberitahu bahawa mereka tinggal berhampiran tempat tersebut.<sup>24</sup> Di dalam kes yang lain pula mereka tidak memberitahu pekerjaan tetapi hanya memberitahu nama dan alamat sahaja.<sup>25</sup> Walau bagaimanapun terdapat juga yang memberitahu pekerjaan mereka.<sup>26</sup>

Selain bertindak secara individu terdapat juga sesuatu tindakan dibuat dengan diwakili oleh salah seorang penduduk kampung. Di sini dapat dirujuk kepada kes penduduk Kampung Langgar Raja. Orang-orang kampung Langgar Raja telah mewakilkan kepada Haji Nik Mat bin Nik Sulaiman supaya meminta MAIK menghalaukan keluar seorang perempuan bernama Hitam daripada lingkungan Kampung

---

<sup>23</sup> Suasana bising misalnya mendorong jiran untuk melaporkan kegiatan ini. Ini dapat dilihat di dalam kes Abdul Muttalib Haji Mohd Zin, dari Kampung Wakaf Siku dan M.J.Bendayir, dari Jalan Tengku Putra Semerak. Sila lihat halaman 155.

<sup>24</sup> Sesetengah orang yang melapor tidak memberitahu namanya, umpamanya menggunakan perkataan hamba yang hina. Menurut surat pelapor tersebut kepada MAIK bahawa beliau mengetahui dua orang perempuan janda iaitu Aishah Ronggeng dan Mek Wok bermukah dengan orang-orang Cina dan Melayu. Beliau mengetahui hal ini kerana perempuan tersebut tinggal berhampiran dengan rumahnya. Lihat fail MAIK, 43/17, "Berkenaan perempuan jahat".

<sup>25</sup> Rujuk fail MAIK 156/38, 115/32 dan 24/17.

<sup>26</sup> Antara pekerjaan pelapor ialah peon mahkamah, kerani pejabat tanah dan mata-mata keretapi. Lihat fail MAIK, 156/38 dan 108/24.

anggar Raja kerana perempuan tersebut telah menjadi barua.<sup>27</sup> Keadaan ini biasanya dilakukan demi untuk menjaga keharmonian kampung dari dicemari oleh kegiatan tidak bermoral.

Terdapat kes yang melibatkan pemimpin sendiri melakukan kejahatan naka seluruh kampung akan bertindak. Keadaan ini boleh dilihat di dalam kes yang melibatkan penggawa daerah Kusial, di kawasan Ulu Kelantan dengan “perempuan sundal” di hotel bandar Kusial. Di dalam kes ini ahli-ahli surau dan rakyat mukim Tebing Tinggi telah sepakat melaporkan kepada pihak MAIK.<sup>28</sup> Ini bertujuan membersihkan kampung tersebut dari pemimpin yang tidak bermoral. Walaubagaimana pun kes seperti ni jarang namun ini membuktikan bahawa bukan individu atau orang tertentu sahaja yang berusaha untuk membanteras kegiatan pelacuran bahkan keseluruhan orang kampung turut sama berganding bahu.

Selain pencegahan dalam bentuk penangkapan dan menjatuhkan hukuman erdapat juga cadangan lain yang dikemukakan. Bagi seorang ulama iaitu Muhammad Yusuf Ahmad atau Tok Kenali,<sup>29</sup> beliau cuba menangani permasalahan ini dengan mengemukakan pandangan beliau dalam majalah *Pengasuh*. Beliau telah membincangkan bersabit “persundalan” ini dengan panjang lebar. Di dalam tulisannya, beliau telah mengemukakan pandangannya mengenai sebab-sebab berkembang biaknya

---

<sup>27</sup> Lihat MAIK, 135/16, “Berkenaan dengan perempuan tua yang menjadikan barua titahnya minta berhentikan mereka yang semacam itu daripada menjalankan pekerjaannya.”

<sup>28</sup> Lihat MAIK, 416/41, “Report iaitu Mohd. Hasan penggawa Daerah Ulu Kusial telah berkhalwat dengan seorang perempuan sundal bangsa Siam pada malam 4, 5 dan 6 di hotel Kusial terang dengan sek-seknya,” lm. 1.

<sup>29</sup> Pandangan Tok Kenali mengenai pelacuran ini telah pun dibincangkan di halaman 41-43 di dalam bab edua.

pelacuran. Beliau juga telah mencadangkan atau menyarankan beberapa perkara agar permasalahan tersebut dapat dibendung. Pandangan beliau ini secara tidak langsung dapat menjadi rujukan kepada generasi masa tersebut dan masa kini dalam usaha menangani kegiatan pelacuran.

Bukan semua anggota masyarakat bertindak melapor kegiatan pelacuran kepada pihak berkuasa. Hasil temuramah penulis dengan pelanggan dan orang-orang tertentu membuktikan akan hal ini. Golongan seperti pelanggan tidak menganggap perbuatan melacur sebagai suatu perbuatan yang keji. Ini kerana pelacur mencari makan dan dengan pendapatan yang diperolehnya dapat digunakan untuk menyara kehidupan. Mereka pula memerlukan khidmat pelacur atas beberapa sebab.<sup>30</sup> Dengan kata lain di waktu yang sama mereka mengharapkan agar kegiatan ini tidak diganggu-gugat dan bebas menjalankan aktiviti. Lantaran itu mereka tidak kedekut mengeluarkan wang atau barang asalkan mereka memperolehi kepuasan.

Segolongan yang lain pula menyedari bahawa perbuatan melacur adalah merupakan satu kesalahan, namun mereka tidak ingin campur tangan atau tidak suka mengambil tahu.<sup>31</sup> Mereka berpendapat pekerjaan tersebut adalah hak peribadi seseorang. Golongan ini bekerja untuk mencari rezeki. Mereka juga tidak menimbulkan sebarang masalah atau menganggu jiran tetangga kerana waktu siang mereka tidur dan

---

<sup>30</sup> Sila lihat halaman 99 hingga 104 di dalam bab ketiga berkenaan sebab-sebab pelanggan melanggani pelacur.

<sup>31</sup> Golongan ini terdiri daripada mereka yang mengenali pelacur atau bekerja dengan pelacur seperti membasuh pakaian, menggosok pakaian, tukang urut, menghantar dan mengambil pelacur. Golongan ini tidak ramai namun terdapat bukti mereka makan gaji dengan pelacur.

keluar di waktu malam. Kenyataan Mek,<sup>32</sup>(bukan nama sebenar) mengambarkan situasi tersebut. Menurut Mek tiada sebab untuk beliau menganggu pekerjaan pelacur. Pada beliau pelacur yang tinggal berjiran dengannya tidak menimbulkan gangguan. Ini kerana siang hari mereka tidur sementara malam pula (selepas pukul lapan) mereka keluar. Walau bagaimanapun beliau pernah menasihati mereka supaya berhenti kerana bimbangkan mereka akan mengandung. Ada empat orang yang berhenti antaranya Aminah, Hawa, Esah dan Fatimah. Sementara terdapat yang meneruskan dan mengatakan bahawa mereka pandai menjaga tubuh badan mereka; mereka mempunyai cara-cara tertentu untuk mengelakkan jangkitan penyakit dan mencegah kehamilan. Mek melahirkan rasa kagum dengan mereka dalam menjaga tubuh badan.

Chek,<sup>33</sup>(bukan nama sebenar) seorang bidan apabila diajukan soalan apakah beliau pernah didatangi pelacur untuk mengugurkan kandungan, beliau menyatakan tidak pernah. Sebaliknya melalui seorang kawan yang dikenalinya sebagai pelacur menceritakan bahawa mereka amat mengambil berat tentang kebersihan dan menjaga tubuh badan. Mereka menjaga kebersihan pakaian dan membasuh tempat sulit dengan air akar kayu. Mereka juga meminum air akar kayu untuk mengembalikan atau memulihkan kecergasan badan. Untuk dalaman pula terdapat sebahagiannya memakai

---

<sup>32</sup> Temubual dengan Mek dilakukan kerana beliau pernah bekerja dengan pelacur semenjak sebelum Perang Dunia Kedua. Mek tinggal berjiran dengan rumah pelacur, di sebelah pagar Hajah Che Embun (sebelah migresen berhampiran dengan JPJ) Wakaf Siku. Beliau bekerja mengambil upah membasuh pakaian, nenggosok pakaian, memasak, mengurut, bertunku dan sebagainya. Walaupun bujang (janda) dan rapat dengan pelacur tetapi tidak terniat untuk ikut sama kerana takut. Walau bagaimanapun tidak dinafikan beliau turut serta kalau ada permainan mak yong dan ronggeng. Menurut Mek beliau membasuh dan menggosok pakaian dua hari sekali. Beliau diberi upah \$10.00 sebulan. (pada tahun 1950-an). Temubual ini dilakukan pada 3hb. Oktober, 1996.

<sup>33</sup> Chek bekerja sebagai bidan kampung. Beliau menjadi bidan ketika berusia 15 tahun. Semasa ditemubual pada 4hb. Oktober, 1996 beliau berusia 68 tahun.

ilmu seperti “isyarat tubuh”, mendapatkan minyak jampi supaya pelanggan sukar lupakan mereka dan memakai susuk supaya kelihatan cantik, muda dan menarik.

Berdasarkan huraian di atas, terdapat beberapa tindakan dilakukan oleh orang awam dalam mencegah kegiatan pelacuran. Antara tindakannya ialah memberi maklumat mengenai tempat kegiatan, meminta MAIK menangkap serta menjatuhkan hukuman ke atas pelacur, ibu atau bapa ayam serta orang-orang yang menyewakan rumah bagi tujuan pelacuran. Tindakan tersebut dilakukan melalui tiga pendekatan iaitu secara individu, mewakilkan kepada salah seorang penduduk dan secara berkumpulan atau keseluruhan orang kampung. Selain melalui penangkapan dan menjatuhkan hukuman, tindakan lain ialah pencegahan dalam bentuk mass-media seperti majalah. Selain itu terdapat juga yang menasihati pelacur supaya kembali ke pangkal jalan. Di sebalik pelbagai tindakan yang dibuat terdapat segelintir masyarakat yang bersikap ‘neutral’ dalam hal ini. Golongan ini terdiri daripada mereka yang mempunyai kepentingan seperti pelanggan dan orang-orang yang mencari makan dengan pelacur.

### **Imam dan Penggawa.**

Selain daripada orang awam, institusi seperti Imam dan Penggawa turut berperanan membanteras kegiatan pelacuran. Salah satu peranan yang dimainkan oleh Imam dan Penggawa ialah melapor kepada pihak MAIK mengenai kegiatan tidak bermoral seperti pelacuran. Di Kampung Banggol misalnya, didapati wujud kegiatan pelacuran. Menurut Imam Tua Surau Banggol iaitu Haji Nik Mahmud di kawasan mukimnya terdapat seorang lelaki bernama Abdul Latif bin Mamat telah menjadi bapa

ayam. Abdul Latif didapati memelihara beberapa orang perempuan di rumahnya. Hal ini diakui oleh Imam Muda Surau Banggol, Haji Nik Soh.<sup>34</sup> Kedua-duanya telah bersepakat melaporkan kepada pihak MAIK supaya bertindak ke atas Abdul Latif.

Selain melapor, Imam dan Penggawa juga berperanan memohon surat kuasa untuk melakukan penangkapan. Surat kuasa diperlukan kerana tanpanya penangkapan tidak boleh dilakukan. Pihak MAIK yang akan mengeluarkan surat kuasa ini dan biasanya surat kuasa ini diberi kepada orang tertentu sahaja dan dalam tempoh jangkamasa tertentu. Sekiranya telah tamat tempoh, mereka dikehendaki mengemukakan kepada pihak MAIK untuk menyatakan bahawa tempoh tersebut telah tamat dan hendaklah diperbaharui.

Permohonan surat kuasa ini dibuat kerana terdapat ramai pelacur yang menjalankan kegiatan di hotel-hotel dan tempat-tempat sunyi.<sup>35</sup> Selain di kedua-dua tempat tersebut mereka dikenalpasti bertumpu di kawasan stesyen keretapi. Di Temangan misalnya, pembinaan stesyen keretapi di kawasan ini dikatakan sebagai salah satu sebab merebaknya pelacuran di daerah Kuala Krai. Ini kerana pembinaan jalan keretapi telah memudahkan perhubungan di antara pelacur dengan pelanggan.

Kebanyakan pelacur mengadakan perhubungan dengan lelaki berbangsa Cina atau Ceylon yang bekerja sebagai buruh di estet-estet getah di Ulu Kelantan dan

---

<sup>34</sup> Lihat MAIK, 73/23, "Report ada seorang bernama Abdullah di Kampung Banggol itu telah memelihara dan menjadi barua perempuan jahat yang melakukan pekerjaan khalwat diminta majlis menjalankan apa-apa hukum di atas orang itu," hlm. 1.

<sup>35</sup> Haji Wan Muhamad bin Haji Wan Ahmad di dalam suratnya kepada setiausaha MAIK misalnya telah meminta surat kuasa untuk menangkap perempuan jahat yang bergiat di hotel dan rumah tumpangan di dalam bandar Kota Bharu. Lihat MAIK, 14/27, "Minta kuasa daripada majlis menangkap perempuan jahat yang berkhalwat di hotel dan di rumah tumpangan sunyi di dalam bandar Kota Bharu," hlm. 1

juga buruh dalam perkhidmatan keretapi.<sup>36</sup> Kegiatan di kawasan tersebut apabila berjaya dikesan mereka akan lari pula ke Kota Bharu, Tanah Merah dan Pasir Mas.<sup>37</sup>

Selain mlarikan diri ke kawasan lain tidak kurang juga yang mengambil inisiatif bersembunyi di dalam dusun atau kebun sekiranya kegiatan mereka dapat dikesan.<sup>38</sup> Hal ini pernah disuarakan oleh Imam Pasir Mas iaitu Haji Encik Mamat. Menurut beliau di dalam mukimnya terdapat ramai pelacur. Salah satu daripada usaha beliau untuk mengatasi masalah ini ialah dengan memohon surat kuasa bagi membolehkannya melakukan penangkapan.

Selain itu Imam dan Penggawa juga turut terlibat di dalam penangkapan ke atas pelacur. Imam Tua surau Kedai Pasir Mas iaitu Haji Encik Mamat misalnya menyatakan bahawa beliau telah menangkap tiga pasangan pelacur dengan pelanggan berbangsa Siam di jajahan Pasir Mas pada 27hb. Julai, 1921. Menurut beliau,

...Saya masuk pereksha didapati tiga orang jantan siam dan tiga betina Melayu. tiga-tiga betina tidur berdakap dan dua jantan itu keluar. Dalam bilik itu luas tergamak buat kerja itu tambahan pula perempuan ini masyhur jahat dan dalam bilik itu gelap-gelemak lagi pula tuan rumah itu selalu dia simpan perempuan sundal bagaimana yang saya telah 'report' kepada tuan beberapa kali dan juga kepada setiausaha majlis hal rumah itu selalulah lakukan kejahatan telah masyhur.<sup>39</sup>

---

<sup>36</sup> Hal ini dinyatakan oleh Imam dan Penggawa Temangan mengenai sebab-sebab beliau memohon surat kuasa. Lihat MAIK, 354/20, "Minta kuasa daripada majlis kerana menangkap perempuan Melayu yang telah berkhawat dengan China atau Ceylon di dalam daerah Temangan itu," hlm. 1.

<sup>37</sup> *Ibid.*, hlm. 4.

<sup>38</sup> Lihat MAIK, 9/21, "Report dari hal perempuan sundal pada masa ini terlalu banyak di bandar Pasir Mas," hlm. 1.

<sup>39</sup> Kenyataan Imam Pasir Mas Haji Encik Mamat berkenaan tangkapan yang dibuatnya kepada pihak MAIK. Lihat MAIK, 276/21, "Tanggung empat kelamin perempuan-perempuan jahat berkhawat dengan Siam menora di Pasir Mas ditangkap pada 27/7/21," hlm. 1.

Di dalam kes yang lain pula beliau telah menangkap dua pasangan pelacur yang mengadakan hubungan dengan lelaki berbangsa Cina. Tangkapan dibuat lebih kurang pukul 9.30 malam. Antara mereka yang telah ditangkap ialah pemilik gudang iaitu Chong Ah Tui dan Yong Ah Chuan. Kedua-dua lelaki Cina ini tinggal di Tanah Merah dan mereka menjadi pelanggan kepada Selamah binti Jusof dan Aishah binti Jusof.<sup>40</sup>

Kedua-dua kes sebelum ini melibatkan tangkapan ke atas pelacur dengan lelaki berbangsa asing. Di dalam kes yang lain pula terdapat tangkapan dilakukan ke atas pelacur dengan lelaki Melayu. Hal ini telah dinyatakan oleh Imam Muda Pasir Mas iaitu Haji Wan Kasim. Menurut beliau pada pukul 9.00 malam pada 6hb. Oktober, 1925 beliau telah menangkap pelacur yang bernama Che Sopiah binti Deraman dari Kampung Dewan dengan pasangannya iaitu Awang Husin bin Awang Jinak. Semasa ditangkap mereka berada di dalam satu bilik. Menurut beliau lagi semasa tangkapan tersebut dibuat beliau bersama-sama dengan Mandul Mat dan Haji Yusof dari Pasir Mas.<sup>41</sup>

Selain di jajahan Pasir Mas, di jajahan Tumpat juga terdapat tangkapan dibuat.<sup>42</sup> Imam Surau Tumpat misalnya mengatakan bahawa beliau telah menangkap seorang pelacur yang bernama Selamah binti Mamat dengan pasangannya iaitu Ismail bin

---

<sup>40</sup> Tangkapan tersebut juga telah dilakukan oleh Imam Haji Encik Mamat. Lihat MAIK, 91/21, "Berkenaan dengan dua kelamin perempuan jahat yang berkhawat dengan Cina di Pasir Mas yang telah ditangkap pada malam 19/2/20," hlm. 1.

<sup>41</sup> Lihat MAIK, 163/25, "Report telah menangkap perempuan yang berkhawat dengan laki-laki di dalam hotel Pasir Mas pada pukul 9 malam," hlm. 1.

<sup>42</sup> Selain di kedua-dua jajahan ini terdapat kes penangkapan yang dilaporkan di daerah Peringat. Pada 23hb. Mei, 1921 misalnya Penggawa Daerah Peringat iaitu Haji Wan Mahmud telah melakukan tangkapan ke atas empat orang "perempuan jahat". Lihat MAIK, 189/21, "Report yang dia telah tangkap empat orang perempuan jahat yang berkhawat di dalam daerah ditangkap pada malam 23/5/21 itu," hlm. 1.

Ali. Tangkapan dilakukan pada pukul 9.30 malam pada 16hb.Julai, 1923 di Hujung Tanjung, Tumpat.<sup>43</sup> Beliau juga telah menangkap dua orang pelacur lain di hotel Tumpat kerana beliau mengesyaki perempuan tersebut ingin melakukan pekerjaan yang ditegah oleh syaria'.<sup>44</sup>

Berdasarkan huraian di atas, nyatalah Imam dan Penggawa berperanan melapor kepada pihak MAIK sekiranya terdapat kegiatan tidak bermoral. Walau bagaimanapun mereka hanya boleh melakukan tangkapan sekiranya mempunyai surat kuasa. Dalam hubungan ini mereka terpaksa memohon surat kuasa. Ketiga-tiga peranan ini dimainkan oleh Imam dan penggawa untuk membanteras kegiatan pelacuran, di kawasan masing-masing.

### **MAIK**

Peranan yang dimainkan oleh orang awam, Imam dan Penggawa tidak akan memberi makna sekiranya tidak ada institusi kerajaan yang bercorak agama seperti MAIK.<sup>45</sup> Berkenaan peranan MAIK dijelaskan di dalam petikan di berikut,

---

<sup>43</sup> Lihat MAIK, 172/23, "Report yang telah tangkap sekelamin perempuan jahat yang berkhalwat bernama Selamah binti Mamat berkhalwat dengan Ismail bin Ali hujong Tanjong Tumpat tangkap pada pukul 9.30 malam 16/7/23," hlm. 1.

<sup>44</sup> Lihat MAIK, 249/23, "Report ke majlis yang dia telah ambil dua perempuan jahat di hotel Tumpat serah ke rumah pasung kerana nampaknya perempuan itu hendak melakukan pekerjaan yang ditegah oleh syariah," hlm. 1.

<sup>45</sup> MAIK atau Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan (nama rasmi pada waktu ditubuhkan) ditubuhkan pada 24 Disember, 1915 melalui satu pengisytiharan oleh ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad ke IV. Idea penubuhan MAIK dipercayai timbul oleh kerana difikirkan bahawa pentadbiran agama dan istiadat Melayu pada masa itu terlalu longgar dan sangat memerlukan pembaharuan dan penyusunan semula. Dengan kata lain MAIK adalah institusi agama yang pertama. Sejumlah dua belas orang telah dilantik oleh baginda bagi menjadi anggota MAIK pada hari pengisytiharannya. Berkenaan penubuhan MAIK secara lebih lanjut sila lihat, Abdul Razak Mahmud, "Tujuh Puluh Lima Tahun Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan," dalam Warisan Kelantan XI, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Kota Bharu, 1992, hlm. 3.

...Adalah keputusan mesyuarat Majlis pada 21hb.November, 1925 bahawa semua anggota Majlis Ugama berkuasa menangkap perempuan-perempuan dan laki-laki yang melakukan pekerjaan khalwat yang ditegah oleh syara' dan undang-undang negeri. Oleh hal yang demikian berkuasalah tuan menangkap laki-laki dan perempuan-perempuan berkhalwat serta pula melarang dan memberi nasihat kepada orang yang didapati melakukan pekerjaan yang ditegah oleh syara' dan undang-undang negeri.<sup>46</sup>

Petikan di atas antara lain menyatakan bahawa anggota MAIK berperanan menangkap dan melarang serta memberi nasihat ke atas perempuan dan lelaki yang melakukan perkara yang ditegah oleh syara' seperti khalwat. Walaupun berkenaan kegiatan pelacuran tidak ditegaskan di dalam petikan di atas namun kuasa MAIK merangkumi semua aspek yang menyalahi hukum syara'. Pelacuran adalah salah disisi hukum syara'. Oleh hal yang demikian MAIK boleh bertindak ke atas kes-kes pelacuran yang dilaporkan kepada pihaknya.

Salah satu peranan MAIK dalam membanteras kegiatan keruntuhan moral seperti pelacuran ialah dengan mengeluarkan surat kuasa. Ini kerana sesuatu tangkapan tidak dapat dijalankan sekiranya tiada surat kuasa. Di dalam jajahan Kuala Krai umpamanya, MAIK telah mengeluarkan surat kuasa kepada kerani Kadi Ulu Kelantan. MAIK merasakan pemberian surat kuasa ini perlu kerana kedapatan terlalu ramai perempuan yang melakukan pekerjaan yang ditegah syara'.<sup>47</sup> Hal ini sebagaimana yang

---

<sup>46</sup> Lihat MAIK, 179/25, "Pasal perempuan-perempuan sundal di dalam Kelantan," hlm. 1.

<sup>47</sup> MAIK, 150/30, op.cit., hlm. 18.

telah dinyatakan oleh setiausaha MAIK kepada Encik Abdullah, kerani Kadi Ulu Kelantan. Menurut beliau,

Maka oleh sebab majlis didapat jajahan Kuala Krai ini terlalu banyak perempuan dan laki-laki yang melakukan pekerjaan khalwat yang ditegah oleh syara' dan undang-undang negeri. Majlis beri kuasa kepada Encik Abdullah Kerani Kadi Ulu Kelantan menyiasat di dalam perkara itu apakala didapati mereka-mereka ada berkhalwat bolehlah ditangkap dan dibawa di dalam mahkamah kadi mengikut undang-undang dan notis yang berkenaan dengan perkara itu.<sup>48</sup>

Petikan di atas dengan jelas menunjukkan bahawa pihak MAIK telah memberi kuasa kepada Encik Abdullah supaya menangkap mereka yang didapati melakukan kesalahan di segi syara'. Selain itu pendakwaan juga boleh dilakukan di dalam mahkamah kadi.

MAIK juga telah memberi kuasa kepada Imam Pasir Mas iaitu Haji Wan Kasim. Melalui surat kuasa ini, "beliau berkuasa menasihati orang-orang yang melakukan khalwat di dalam mukim Kedai Pasir Mas. Sekiranya nasihat tersebut tidak diendahkan maka beliau boleh menangkapnya dengan syarat terdapat sekurang-kurangnya tiga orang saksi. Seterusnya beliau boleh mengarahkan mana-mana balai polis di jajahan terbabit supaya membawa perbicaraan ke dalam mahkamah syariah dalam jajahan berkenaan. Kuasa yang diberikan ini akan terbatas sehingga tiga bulan."<sup>49</sup>

---

<sup>48</sup> Ibid.

<sup>49</sup> MAIK, 154/25, "Minta kuasa menangkap perempuan jahat dengan syarat majlis memberi hadiah kepadanya dan minta," hlm. 4.

Terdapat beberapa peraturan ditetapkan untuk membolehkan penangkapan berjalan dengan lancar. Selain memenuhi syarat yang terkandung di dalam surat kuasa turut terdapat beberapa cadangan lain. Antaranya ialah suatu tangkapan hendaklah dijalankan dengan cermat dan dihalusi.<sup>50</sup> Selain itu, “semasa tangkapan dilakukan tidak boleh menyebabkan sebarang kerosakan samaada dari segi barang atau mengakibatkan orang ramai terkejut.”<sup>51</sup>

Surat kuasa juga telah dikeluarkan kepada Imam Tua Surau Panchor di Kemumin iaitu Syed Akil dengan syarat-syarat yang sama. Syed Akil telah memohon daripada MAIK untuk menangkap Membunga binti Samad dari Kampung Pulau Belachan, di dalam mukim Panchor Kemumin kerana kegiatannya sebagai pelacur.<sup>52</sup>

Selain mengeluarkan surat kuasa, terdapat juga laporan mengenai penangkapan. Peguam MAIK misalnya telah melaporkan yang beliau telah menangkap pelacur yang menjalankan kegiatan pelacuran di hotel Kota Bharu.<sup>53</sup> Beliau juga turut melakukan tangkapan ke atas perempuan Melayu yang mengadakan hubungan dengan lelaki Hindu di gudang yang dimiliki oleh bilal Haji Yusoff.<sup>54</sup> Selain itu beliau juga telah menangkap pelacur-pelacur yang berkumpul di beberapa kawasan. Antaranya ialah di

---

<sup>50</sup> MAIK, 300/21, “Minta kuasa menangkap perempuan jahat di dalam mukim nama Fatimah orang Bachok yang selalu pergi berkhalwat di dalam mukim Wakaf Stan,” hlm. 2.

<sup>51</sup> MAIK, 186/30, “Berkenaan dengan Wan Mariam janda Nik Lah itu berkhalwat dengan Wan Ismail,” hlm. 2.

<sup>52</sup> MAIK, 118/24, “Minta kuasa hendak menangkap perempuan jahat yang berkhalwat di dalam mukim Panchor,” hlm. 1. Rujuk juga 101/26, 180/25, 120/30, 9/21.

<sup>53</sup> MAIK, 124/22, “Report telah dapat perempuan jahat yang berkhalwat dengan Cina di hotel Kota Bharu tangkap pada pukul 10 malam 29/3/22,” hlm. 1.

<sup>54</sup> MAIK, 99/21, “Report seorang hendakkan mengutip tiket keretapi berkhalwat dengan seorang perempuan yang telah ditangkap malam 7/3/21 pada pukul 10.00 pagi,” hlm. 1.

rumah Mak Som di Padang Garong, di berek Encik Leh Encik Kasim di depan mahkamah syariah dan di gudang Encik Sulaiman dari Pengkalan Kubur yang terletak di sebelah Hulu Pasar Besar.<sup>55</sup>

Sementara itu kerani MAIK iaitu Wan Mohd. Hanafi turut menyatakan hal yang sama. Menurut beliau, terdapat lima pasangan pelacur yang telah ditangkapnya di jajahan Tumpat. Tangkapan dilakukan pada pukul 11.00 malam pada 22hb. September, 1921.<sup>56</sup>

Berdasarkan huraian di atas ternyata anggota MAIK telah memainkan peranan penting dalam membanteras kegiatan pelacuran. Peranannya yang paling ketara ialah mengeluarkan surat kuasa untuk membolehkan penangkapan dilakukan. Selain itu penangkapan turut dilakukan oleh anggota-anggota MAIK sendiri seperti peguam dan kerani.

### **Kadi.**

Peranan kadi tidak dinafikan kepentingannya di dalam usaha membanteras kegiatan pelacuran. Di jajahan Ulu Kelantan misalnya kadi Haji Abdul Majid telah memohon surat kuasa untuk pegawai Mahkamah Syariah Ulu Kelantan bagi menangkap pelacur. Ini berikutan terdapat ramai pelacur di jajahan tersebut. Pelacur-pelacur dan ibu atau bapa ayam tersebut walaupun telah dipanggil dan diberi nasihat namun tidak diendahkannya, sebaliknya jumlah mereka semakin bertambah ramai. Mereka ini

---

<sup>55</sup> MAIK, 179/23, "Report telah tangkap perempuan jahat yang berkhalwat," hlm. 1.

<sup>56</sup> MAIK, 325/21, "Berkenaan dengan menangkap lima kelamin perempuan jahat di Tumpat pada 22/9/21 waktu pukul 11.30 malam," hlm. 1. Rujuk juga MAIK, 155/25.

menjalankan kegiatan di hotel.<sup>57</sup> Selain itu kedapatan ramai pelacur yang mengadakan perhubungan dengan lelaki berbangsa Cina di estet.<sup>58</sup> Maklumat ini diperolehi hasil daripada laporan orang ramai.

Di dalam situasi yang lain tangkapan turut dilakukan ke atas pelacur. Di kawasan Lebir misalnya dua orang berjaya ditangkap iaitu Lebar binti Penghulu Mamat dari Kampung Chetak dan pasangannya iaitu Pak Ku Ming. Di Kuala Krai pula beliau berjaya menangkap tiga orang iaitu Minah binti Encik Mamat, Ah Sam dan Munah binti Senik.<sup>59</sup>

Kadi Haji Abdul Majid dari jajahan Pasir Putih telah meminta pandangan MAIK untuk membanteras kegiatan pelacuran di jajahan tersebut. Ini kerana beliau sendiri gagal menyelesaikan permasalahan ini sebagaimana yang dinyatakan berikut:

Maka adalah hamba Dato'Haji Abdul Majid kadi Pasir Putih memaklumkan darihal perempuan yang jahat-jahat di dalam bandar Pasir Putih sekarang belum menjadi aman lagi oleh itu tiada cukup dijagakan dia seperti barang yang telah masyhur di jaga di dalam bandar Kota Bharu dan termasyhur dengan amannya ialah kerana belum hamba Dato' mendapat jalan bagi demikian serta tidak pernah dijalankan seperti barang yang telah berlaku di sana. Yang demikian berharaplah hamba Dato' supaya dapat pertolongan Majlis di dalam perkara yang tersebut dengan banyak-banyak menerima kasih jua adanya.<sup>60</sup>

---

<sup>57</sup> Lihat MAIK, 217/29, op.cit., hlm. 4.

<sup>58</sup> Lihat MAIK, 188/16, "Berkenaan perempuan-perempuan jahat dalam jajahan Ulu Kelantan," hlm. 4.

<sup>59</sup> MAIK, 417/20, "Seorang perempuan jahat yang telah dapat tangkap kerana berkhalwat didapati perempuan itu bernama Lebar, Lebar yang telah Islam kelmarin masuk pula kepada agama Cina diminta mahkamah bagaimana hendak dijalankan di atas perempuan itu," hlm. 1.

<sup>60</sup> Surat kadi jajahan Pasir Putih iaitu Haji Abdul Majid kepada Naib Yang Di Pertua MAIK. Lihat MAIK, 132/17, "Berkenaan dengan perempuan-perempuan jahat dalam bandar Pasir Putih," hlm. 1.

Di dalam kes yang lain pihak Mahkamah Kadi telah menghantar nama seorang perempuan yang bernama Siti Minah binti Bulat kepada pihak MAIK supaya diambil tindakan. Ini kerana perempuan ini amat terkenal sebagai “perempuan jahat”.<sup>61</sup> Tindakan yang sama juga dicadangkan ke atas seorang yang dikenalpasti menjadi bapa ayam iaitu Salleh bin Midin. Oleh hal yang demikian kadi telah meminta pihak MAIK menjalankan hukuman ke atas Salleh ini.<sup>62</sup>

Di jajahan Kota Bharu pula Kadi Besar telah melaporkan kepada pihak MAIK supaya menangkap pelacur. Di dalam laporannya beliau menyatakan bahawa terdapat ramai pelacur yang mengadakan perhubungan dengan lelaki bukan Melayu. Di Padang Garong misalnya seorang perempuan yang bernama Mek Teh telah membuat perhubungan dengan Benggali Singh.<sup>63</sup> Di Jalan Gajah Mati pula ramai di kalangan perempuan Melayu menjalinkan perhubungan dengan lelaki berbangsa Cina.<sup>64</sup> Perhubungan di antara perempuan Melayu dengan lelaki berbangsa Cina ini turut dinyatakan oleh Kadi Pelawat Kota Bharu iaitu Haji Nik Adib.<sup>65</sup>

---

<sup>61</sup> Ibid., hlm. 3.

<sup>62</sup> Lihat MAIK, 262/22, “Minta hukuman hendak dijalankan di atas seorang yang bernama Saleh bin Midin Kampung Kelubi yang telah melakukan pekerjaan baru perempuan jahat di dalam bandar Pasir Putih.”

<sup>63</sup> Lihat MAIK, 211/31, “Report Mek duduk berkhalwat dengan Benggali Singh di rumahnya di Padang Garong diminta majlis tangkap,” hlm. 1.

<sup>64</sup> Lihat MAIK, 278/38, “Berkenaan dengan seorang bangsa Cina berkhalwat dengan perempuan Melayu di sebuah rumah sedikit daripada Gajah Mati.”

<sup>65</sup> Lihat MAIK, 160/38, “Berkenaan dengan Ismail pegawai sempadan Kota Bharu report seorang perempuan bernama Siti Nah duduk di rumah Cina Kang kampung Kibakat seperti laki-bini dan seorang Cina bernama Ein digelar Awang Gasing duduk di rumah orang Melayu di Kampung Kibakat juga diminta jalankan mengikut hukum syara’.”

Peranan kadi tidak dinafikan kepentingannya dalam usaha membanteras gejala pelacuran. Peranan kadi di ketiga-tiga jajahan yang telah disebutkan diatas jelas menggambarkan akan hal ini.<sup>66</sup> Di jajahan Ulu Kelantan permohonan untuk mendapat surat kuasa diminta oleh kadi kerana terdapat ramai pelacur yang menjalankan kegiatan di hotel dan di estet. Selain itu tangkapan juga telah dibuat di beberapa kawasan di dalam jajahan Ulu Kelantan. Kadi Pasir Putih pula telah menghantar surat kepada MAIK untuk meminta pandangan bagi membanteras kegiatan tersebut seperti mengenakan tindakan ke atas pelacur dan barua. Sementara di Kota Bharu pula terdapat kes-kes yang dilaporkan oleh Kadi Besar yang melibatkan perempuan Melayu “bermain” dengan lelaki bukan Melayu.

### **Mufti.**

Mufti Kerajaan Kelantan iaitu Haji Ibrahim bin Yusoff yang bertugas dari tahun 1928 hingga 1941 telah mengesahkan, bahawa terdapat kegiatan pelacuran di Kota Bharu.<sup>67</sup> Pengesahan ini membuktikan bahawa beliau tidak lepas tangan dalam perkara ini. Ini terbukti, bila beliau sendiri membuat pengakuan bahawa telah menjalankan sendiri siasatan. Beliau juga tidak mengambil ringan mengenai surat rayuan yang diterimanya. Sebaliknya beliau telah mengeluarkan arahan kepada Setiausaha MAIK supaya bertindak untuk membendung gejala ini. Beliau juga telah menyarankan

---

<sup>66</sup> Peranan yang sama turut didokong oleh kadi-kadi di jajahan lain. Kadi jajahan Bachok dan Pasir Mas misalnya telah menghantar surat kepada pihak MAIK, memaklumkan tentang wujudnya kegiatan pelacuran di tempat masing-masing. Lihat MAIK, 84/32, “Khalwat dan persundulan yang ditegah oleh syariah hendak dijalankan kuasa majlis mengikut kelulusan notis dan undang-undang,” hlm. 12.

<sup>67</sup> Lihat kenyataan beliau di halaman 43-44 di dalam bab kedua. Berkenaan peranan Mufti juga boleh rujuk fail SUK, 406/37. Lihat juga MAIK, 978/37, 128/37 dan 342/37.

setiausaha MAIK supaya meminta bantuan polis untuk melicinkan lagi usaha pembasmian.

Usaha membanteras ini tidak dipandang ringan kerana golongan berkuasa tidak mahu bersubahat dan menanggung dosa. Ini dapat dilihat di dalam petikan berikut,

...oleh itu saya harapkan tuan boleh perentah kepada polis menjalankan pekerjaan ini semula dan dibicara mengikut undang-undang nombor 5 tahun 1934 moga-moga terlepaslah dosa yang amat besar itu ke atas Duli Yang Maha Mulia dan ke atas orang yang berkuasa di dalam negeri ini bahkan terlepaslah daripada sungutan orang-orang luar...<sup>68</sup>

### **Polis.**

Kepentingan peranan polis tidak dapat dinafikan. Ini kerana kerjasama polis diperlukan ketika hendak melakukan sebarang penangkapan. Setiausaha MAIK di dalam suratnya kepada Dato' Perdana Menteri (Menteri Besar) pernah menyuarakan perkara ini. Menurut beliau ketidaksediaan dan keengaman polis memberi kerjasama kepada pihak MAIK dalam melaksanakan undang-undang boleh melemahkan MAIK untuk menjalankan undang-undang yang termaktub. Ini disebabkan MAIK tidak mempunyai polis sendiri.<sup>69</sup>

---

<sup>68</sup> Surat yang dihantar oleh Datuk Ahmad Mahir kepada Tuan Commisioner Polis supaya menjalankan semula pekerjaan menangkap kerana di dalam bandar Kota Bharu "perempuan jahat" telah kembali bertambah ramai.

<sup>69</sup> MAIK, 84/32, op.cit., hlm. 5.

Kepentingan peranan polis juga dapat dilihat di dalam kenyataan Dato' Mufti Kerajaan Kelantan. Menurut beliau pihak MAIK dan polis hendaklah saling bekerjasama untuk membanteras kegiatan pelacuran.<sup>70</sup>

Menurut O.C.P.D. Kota Bharu dan Bachok, Che Sha'ary bin Ahmad beliau telah menangkap lima orang perempuan Melayu dan seorang perempuan berbangsa Cina serta empat orang lelaki berbangsa Cina kerana melakukan kegiatan pelacuran.<sup>71</sup> Di dalam kes yang lain pula Tuan 'Commisioner' polis turut menyatakan bahawa beliau telah melakukan penangkapan ke atas empat orang "perempuan jahat" di berek Haji Taib Padang Garong.<sup>72</sup> Berdasarkan kedua-dua kes ini menunjukkan bahawa pihak polis turut terlibat di dalam pencegahan kegiatan pelacuran.

### **Duli Yang Maha Mulia Sultan.**

Peranan membasmi kegiatan pelacuran turut dipikul bersama oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan.<sup>73</sup> Di dalam membanteras kegiatan ini baginda telah memperkenalkan beberapa undang-undang (akan dibincangkan lebih lanjut di dalam bab keenam) dan kuasa melaksanakannya telah diserah kepada pihak MAIK.

---

<sup>70</sup> Sila rujuk kembali kenyataan Mufti di halaman 43–44 dalam bab kedua.

<sup>71</sup> MAIK, 339/38, "Berkenaan dengan empat orang yang telah ditangkap pada 11/7/38 kerana kesalahan berkhawat," hlm. 2.

<sup>72</sup> MAIK, 80/27, "Hantar empat orang perempuan bujang yang telah ditangkap... Haji Taib Padang Garong," hlm. 1.

<sup>73</sup> MAIK, 195/23, "Titah suruh perintah Kalsom Bongkok yang telah menjalankan pekerjaan barua perempuan jahat dan banyak perempuan-perempuan jahat berhimpun di rumahnya." Rujuk juga 237/15, 144/16.

Selain itu baginda juga telah mengeluarkan arahan kepada pihak MAIK supaya mengambil tindakan ke atas ibu atau bapa ayam yang masyhur kejahatannya. Ini dapat dirujuk di dalam petikan berikut,

Pada masa ini kita ketahui perempuan-perempuan jahat itu tiada berubah juga daripada dahulu betapakah halnya majlis agama biarkan sebegitu juga tidak kurangnya, ada lagi kita mendapat ketahui ada beberapa orang tua yang mencari makan dengan membawa perempuan-perempuan muda jahat beri kepada orang-orang Cina dan lain-lain maka hendaklah majlis agama mencari jalan supaya diberhentikan perempuan-perempuan tua itu daripada berbuat pekerjaan itu dan majlis agama kira selalu memberati jangan tidak-tidak.<sup>74</sup>

### Kesimpulan.

Sikap dan reaksi terhadap pelacur dan pelacuran berbeza di kalangan masyarakat Kelantan. Walau bagaimanapun secara umumnya rata-rata masyarakat Kelantan menganggap perbuatan melacur sebagai menyalahi undang-undang negeri dan juga hukum syara' kerana kesan buruk yang ditimbulkan oleh kegiatan tersebut. Menyedari hal tersebut maka beberapa golongan seperti orang awam (orang kampung), institusi kerajaan seperti imam, penggawa, kadi dan mufti telah mengambil beberapa langkah untuk membanterasnya. Antara usaha golongan ini ialah melapor mengenai aktiviti pelacuran yang meliputi perhubungan pelacur dan pelanggan, tempat yang menjadi perhubungan golongan ini serta peranan barua. Laporan dikemukakan kepada pihak berwajib seperti MAIK supaya tindakan diambil ke atas golongan tersebut. Ini kerana mereka tidak boleh melakukan tangkapan sendiri. Ada peraturan-peraturan

---

<sup>74</sup> Lihat MAIK, 244/16, hlm.1.

tertentu untuk membolehkan tangkapan dibuat. Salah satu daripadanya ialah mesti mempunyai surat kuasa ; surat kuasa ini pula dikeluarkan oleh pihak MAIK. Oleh hal yang demikian perlu adanya hubungan dua hala antara orang awam dan institusi kerajaan baharulah sebarang kegiatan ini dapat dibasmikan. Sesuatu tangkapan juga tidak dapat dijalankan sekiranya tidak ada bantuan polis. Dalam hubungan ini peranan polis amat penting semasa menjalankan tangkapan. Tanpa kehadirannya usaha-usaha penangkapan tidak dapat dibuat. Selain itu peranan penggubal undang-undang juga penting kerana sebarang pendakwaan yang dijalankan perlulah berlandaskan hukum dan undang-undang yang betul supaya tidak wujud penindasan pada satu-satu pihak sahaja.